



<b>KERATAN AKHBAR</b>
-----------------------

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	6/12/2019	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Lindungi khazanah negara

**Hutan** di negara kita adalah khazanah yang amat penting, tetapi ia kerap dicabul sama ada melalui kegiatan menebang hutan sesuka hati demi menagut keuntungan segera atau mencuri termasuk membunuh binatang yang dilindungi, juga demi mendapatkan hasil berharga.

Oleh itu, kita mengaluakan cadangan kerajaan untuk mengenakan denda maksimum dinaikkan hingga RM5 juta dan penjara hingga 20 tahun seperti terkandung dalam pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi kegiatan pengambilan hasil hutan secara haram.

Diharap dengan pindaan ini, akan menakutkan mereka yang terbabit dalam kegiatan berkenaan, selain melindungi khazanah negara yang amat berharga, terutama di kawasan Hutan Simpan Kekal. Malah kita ingin syorkan kerajaan memperluaskan lagi kawasan hutan simpan kekal di seluruh negara demi kepentingan khazanah negara, selain diurus dengan lebih mantap.